

(b) Salahuddin al-Ayubi merupakan pahlawan Islam yang terbilang.

(i) Nyatakan riwayat hidup beliau secara ringkas. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang ketenteraan dan keilmuan. [4 markah]

Salahuddin al-Ayubi merupakan seorang pemerintah yang prihatin terhadap kebajikan rakyat. Beliau telah mengubah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital.

(iii) Berdasarkan petikan di atas, bagaimanakah anda sebagai ketua kelas dapat memberikan perkhidmatan kepada rakan-rakan anda? Huraikan. [4 markah]

5 (a) Setiap manusia berhak untuk hidup bahagia di dunia ini. Begitulah juga dengan orang kurang upaya.

(i) Nyatakan **dua** adab terhadap orang kurang upaya dari segi fizikal. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap orang kurang upaya. [4 markah]



Kemudahan awam kepada orang kurang upaya

(iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada golongan orang kurang upaya jika masyarakat awam menggunakannya dengan sewenang-wenangnya. [4 markah]

(b) Sifat mazmumah perlu dihindari oleh semua umat Islam.

(i) Apakah maksud sifat mazmumah? [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** contoh perbuatan riak. [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** cara meninggalkan sifat mazmumah oleh individu. [2 markah]

Adam seorang pelajar yang cemerlang di sekolahnya. Beliau berasa bangga dengan kelebihan dan ilmu yang dimilikinya.

(iii) Sebagai seorang sahabat, apakah yang perlu anda lakukan untuk menginsafkannya? Huraikan. [4 markah]